

Tarbiyah Pengasas Siri 57

10 Oktober 2023

MENGUKUR PEMIMPIN SEJATI

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Azreen Hamiza Abd Aziz

Prof selalu sebut, pensyarah bukan sahaja guru, tetapi juga adalah pemimpin. Ertinya, pelajar-pelajar kita bukan sahaja murid kita, tetapi juga pengikut kita. Persoalannya, bagaimana kita pensyarah boleh mengenal diri kita sama ada kita ini benar-benar menjadi pemimpin atau sebaliknya?

Jawapan

1. Benar, saya selalu ingatkan bahawa pensyarah ISDEV sepatutnya bukan sahaja menjadi guru, tetapi juga menjadi pemimpin. Pelajar pula bukan sahaja menjadi murid, tetapi juga menjadi pengikut.
2. Para Rasul dan Nabi pun begitu. Mereka bukan sahaja mengajar para sahabat, tetapi juga memimpin para sahabat berjuang menegakkan Islam dan mencari redha Allah SWT.
3. Begitulah juga hendaknya kita di ISDEV – mendidik para pelajar kita dengan ilmu, dan memimpin mereka memuliakan Islam dan mengumpul redha Allah SWT, moga-moga di akhirat nanti kita dan para pelajar kita selamat dari neraka dan layak menghuni syurga Allah SWT, In Sya Allah.

4. Tidak ada erti apa-apa jika seorang pensyarah hanya ada murid, tetapi tidak ada pengikut.
5. Seorang pensyarah yang hebat dan tinggi ilmu macam mana pun, tidak bermakna apa-apa jika beliau hanya menyampaikan ilmu tetapi tidak memimpin.
6. Persoalannya, setelah lama ISDEV berdiri dan begitu lama kita telah menjadi pensyarah, apakah kita telah mengajar dan juga memimpin? Kalau sudah mengajar dan memimpin, apakah kita benar-benar seorang pemimpin sejati?
7. Bagaimana kita mengukur pemimpin sejati?
8. Jika ikut cara biasa, kita barangkali boleh mengukur kepimpinan kita melalui ciri-ciri yang patut ada pada seorang pemimpin.
9. Antara ciri-ciri pemimpin yang sering disebut ramai adalah seperti berikut:
 - i. Memiliki karisma
 - ii. Ketrampilan menarik dan kemas
 - iii. Jati diri yang kuat
 - iv. Integriti tinggi
 - v. Kemahiran berkomunikasi yang tinggi
 - vi. Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan
 - vii. Bijaksana dalam melakukan tugas
 - viii. Jujur dalam memikul amanah
 - ix. Tegass membuat dan menjalankan keputusan
 - x. Adil
 - xi. Berfikiran Jauh
 - xii. Tinggi Keyakinan

- xiii. Tinggi kesabaran
- xiv. Komited
- xv. Empati
- xvi. Bertimbang rasa
- xvii. Berkasih sayang
- xviii. Dan lain-lain seumpamanya

10. Tetapi apakah seseorang yang mempunyai ciri-ciri sebegini telah boleh dikatakan pemimpin sejati?
11. Jawapannya tidak. Beliau mungkin seorang pemimpin, tetapi belum boleh dikatakan pemimpin sejati hanya kerana memiliki ciri-ciri di atas. Ada beza antara pemimpin dengan pemimpin sejati.
12. Seorang pemimpin sejati dapat diukur di dua peringkat. Peringkat pertama, setelah beliau tidak menjawat jawatan kepimpinan lagi. Peringkat kedua, di akhirat.
13. Di peringkat tidak menjawat jawatan kepimpinan lagi, kepimpinan sejati seseorang boleh diukur melalui perkara-perkara berikut:
 - i. Terus dihormati
 - ii. Terus menjadi tempat rujuk
 - iii. Terus diingati orang
 - iv. Terus dikenang orang
 - v. Terus disanjung tinggi
 - vi. Terus disayangi
 - vii. Terus dirindui
 - viii. Terus diziarahi
 - ix. Terus orang suka berkhidmat kepadanya
 - x. Dan sebagainya

14. Di peringkat akhirat pula, tanda seseorang pemimpin itu pemimpin sejati ialah apabila beliau diganjar Allah SWT dengan syurga.
15. Begitulah pemimpin sejati yang ada pada Rasulullah SAW dan para Rasul dan Nabi.
16. Ketika memimpin, mereka mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang luarbiasa. Ketika tidak memimpin lagi (setelah wafat), mereka terus dirujuk, dihormati, dirindui dan disayangi. Setelah wafat, mereka dikurniakan Allah dengan nikmat-nikmat yang luarbiasa, terutamanya syurga.
17. Jadi pemimpin sejati boleh diukur dari tiga peringkat: (1) ketika memimpin; (2) ketika tidak memimpin (bagi manusia biasa) dan setelah wafat (bagi para Rasul dan Nabi); (3) di akhirat
18. Para pensyarah ISDEV yang sedang memimpin dan para pelajar yang sedang/akan menjadi pemimpin boleh menilai kepimpinan diri masing-masing berdasarkan kepada ukuran-ukuran di atas.